



**UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

**MINAT, ASPIRASI KERJAYA DAN SIKAP TERHADAP MATA  
PELAJARAN REKAAN DAN JAHITAN PAKAIAN DALAM KALANGAN  
MURID**

**ARASINAH BINTI KAMIS**

**FPP 2009 18**

## **ABSTRAK**

Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Master Sains

### **MINAT, ASPIRASI KERJAYA DAN SIKAP TERHADAP MATA PELAJARAN REKAAN DAN JAHITAN PAKAIAN DALAM KALANGAN MURID**

Oleh

**ARASINAH BINTI KAMIS**

**2009**

**Pengerusi: Profesor Madya Dr. Rosini Binti Abu, Ed.D**

**Fakulti: Pengajian Pendidikan**

Kajian ini bertujuan untuk meninjau minat, mengenalpasti aspirasi kerjaya, faktor-faktor yang menentukan aspirasi kerjaya dan sikap murid terhadap mata pelajaran RJP. Kajian juga untuk melihat perbezaan sikap murid terhadap mata pelajaran RJP berdasarkan aspirasi kerjaya dan berdasarkan peringkat pendidikan dan jenis pekerjaan ibu bapa. Satu kajian kuantitatif berbentuk tinjauan telah dijalankan ke atas 291 orang murid tingkatan 4 yang mengambil mata pelajaran RJP. Responden dipilih secara persampelan kelompok bertujuan. Ujian Khi kuasa dua dan ujian ANOVA digunakan untuk melihat perhubungan dan perbezaan antara pemboleh ubah yang dikaji. Paras signifikan yang ditentukan ialah  $p < 0.05$ . Dapatan menunjukkan murid mempunyai aspirasi kerjaya yang selari dengan mata pelajaran RJP. Terdapat perhubungan signifikan antara faktor ibu bapa [  $\chi^2 (6, N=285)=24.542, p=.000, \text{Cramer's } V=.207$  ]



dengan aspirasi kerjaya; antara guru kaunseling [  $\chi^2$  (6, N=288)=20.21,  $p= .003$ , Cramer's  $V=.187$  ] dengan aspirasi kerjaya. Manakala tiada perhubungan yang signifikan antara faktor rakan sebaya [  $\chi^2$  (6, N=287)=5.67,  $p=.458$ , Cramer's  $V=.100$  ] dengan aspirasi kerjaya murid RJP. Dapatan kajian menunjukkan murid yang mempunyai aspirasi kerjaya yang berkaitan dengan RJP mempunyai sikap yang positif terhadap mata pelajaran RJP berbanding dengan murid yang mempunyai aspirasi kerjaya yang tidak berkaitan dengan RJP  $F(2,285)=15.77$ ,  $p\leq.05$ . Manakala terdapat perbezaan yang signifikan antara sikap terhadap mata pelajaran RJP berdasarkan jenis pekerjaan ibu  $F(8,282)=2.54$ ,  $p\leq.05$ . Walaubagaimanapun dapatan juga menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara sikap terhadap mata pelajaran RJP berdasarkan peringkat pendidikan ibu  $F(4,286)=1.49$ ,  $p\geq.05$ , bapa  $F(4,286)=.74$ ,  $p\geq.05$  dan jenis pekerjaan bapa  $F(8,282)=0.63$ ,  $p\geq.05$ . Secara keseluruhan murid meletakkan minat dalam bidang Sosial sebagai keutamaan dan bidang Artistik sebagai bidang kedua yang diminati. Oleh yang demikian satu usaha yang berterusan diperlukan untuk memupuk minat, aspirasi kerjaya seterusnya sikap murid terhadap mata pelajaran RJP. Ini bertujuan supaya murid yang mengikuti mata pelajaran ini dapat membentuk minat dan aspirasi kerjaya yang bersesuaian dengan RJP.

## **ABSTRACT**

Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in fulfillment of  
the requirement for the Degree of Master Science

### **CAREER INTEREST, CAREER ASPIRATION AND ATTITUDE TOWARDS THE SUBJECT OF TAILORING AND CLOTHES DESIGNING AMONG STUDENTS**

By

**ARASINAH BINTI KAMIS**

**2009**

**Chair: Associate Professor Dr. Rosini Binti Abu, Ed.D**

**Faculty: Faculty of Educational Studies**

The study is to explore the career, identify career aspirations, factors which determine attitude of students' towards the RJP subject and career aspirations. It is also to see the difference in attitude of students towards this subject based on career aspirations and based on their parents' level of education and occupation. A quantitative survey was carried out among 291 form four students taking RJP subject. Respondents were chosen using a cluster sampling method. Chi-square and ANOVA tests were used to see the relationship and differences between the variables being studied. Level of significance was at  $p < 0.05$ . Results show students have career aspirations parallel to the subject they are learning.



There is a significant relationship between parents' factor, [  $\chi^2$  (6, N=285)=24.542,  $p=.000$ , Cramer's  $V=.207$  ] with respondents career aspiration; between counseling teacher, [  $\chi^2$  (6, N=288)=20.21,  $p=.003$ , Cramer's  $V=.187$  ] with respondents career aspirations. There is no significant relationship between peers [  $\chi^2$  (6, N=287)=5.67,  $p=.458$ , Cramer's  $V=.100$  ] with career aspirations of students taking RJP. The findings show those with career aspiration related to RJP have positive attitude towards RJP subject as compared to those with career aspiration not related to RJP  $F(2,285)=15.77$ ,  $p\leq.05$ . There is a significant difference between student's attitude towards RJP based on mother's occupation,  $F(8,282)=2.54$ ,  $p\leq.05$ . However, the result also show there is no significance difference between students attitude towards RJP based on mother's level of education,  $F(4,286)=1.49$ ,  $p\geq.05$ , father's level of education  $F(4,286)=.74$ ,  $p\geq.05$  and father's occupation,  $F(8,282)=0.63$ ,  $p\geq.05$ . On the whole, students place interest in the Social field as priority and Artistic field as their next area of interest. As such a continuous effort is deemed necessary to develop interest, career aspiration and attitude towards RJP among student enrolled in this subject. This is to enable them to develop interest and career aspiration relevant to RJP.



## PENGHARGAAN

Alhamdulillah, segala puji bagi Allah S.W.T. Tuhan semesta alam, kerana dengan keizinan dan restuNya, saya dapat menyiapkan tesis ini bagi memenuhi sebahagian daripada syarat memperoleh Sarjana dalam bidang Pendidikan Teknikal dan Vokasional. Mudah-mudahan hasil usaha ini dapat dijadikan bahan kajian sebagai penyelidikan seterusnya demi untuk mempertingkatkan mutu pengajaran dan pembelajaran di Malaysia.

Setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih yang tidak terhingga khas buat Prof. Madya Dr. Rosini Abu dan Prof. Madya Dr Ramlah Hamzah selaku penyelia yang telah banyak memberi bimbingan dan pandangan yang bernas dan jitu dalam memperkemaskan lagi kajian ini. Ucapan terima kasih juga kepada semua pensyarah dan kakitangan Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia. Tidak lupa buat Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Kementerian Pelajaran Malaysia yang telah memberikan kebenaran bagi menjalankan kajian serta semua murid khususnya yang dijadikan sampel dalam kajian ini.

Penghargaan ini juga ditujukan pada pegawai-pegawai dan kakitangan Perpustakaan Sultan Abdul Samad UPM dan Pusat Sumber Fakulti Pengajian Pendidikan UPM. Rasa terhutang budi juga dirakamkan buat pengarang-pengarang yang mana penulisan-penulisan mereka telah dimanfaatkan. Tidak ketinggalan buat rakan-rakan seperjuangan



di UPM yang banyak membantu dalam menyiapkan kajian ini. Pengalaman dan kenangan suka dan duka akan sentiasa abadi di hati ini.

Ucapan terima kasih yang tidak terhingga istimewa buat suami tercinta Mat Ali bin Mat Som yang sentiasa merestui, membantu serta banyak bersabar sepanjang proses menyiapkan tesis ini. Buat anak tersayang Nurkhairina, Muhammad Nabil dan Muhammad Karim Qayyum terima kasih kerana memahami. Kepada kedua mertua dan bonda Hajah Maznon bt Hj. Sidek, terima kasih di atas doa restu kalian.



## PENGESAHAN

Saya mengesahkan bahawa satu Jawatankuasa Pemeriksa Tesis telah berjumpa pada 14 Oktober 2009 untuk menjalankan peperiksaan akhir bagi Arasinah Bt Kamis untuk menilai tesis beliau yang bertajuk “**Minat, Aspirasi Kerjaya dan Sikap Terhadap Mata Pelajaran Rekaan dan Jahitan Pakaian dalam Kalangan Murid Sekolah Menengah**” mengikut Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 dan Perlembagaan Universiti Putra Malaysia [P.U. (A)106] 15 Mac 1998. Jawatankuasa tersebut telah memperakukan bahawa calon ini layak dianugerahi ijazah Master Sains.

Ahli Jawatankuasa Pemeriksaan Tesis adalah seperti berikut:

**Shamsudin Ahmad, Ed.D**

Fakulti Pengajian Pendidikan  
Universiti Putra Malaysia  
(Pengerusi)

**Aida Suraya Md. Yunus, PhD**

Prof. Madya  
Fakulti Pengajian Pendidikan  
Universiti Putra Malaysia  
(Pemeriksa Dalaman)

**Suhaida Abdul Kadir, PhD**

Fakulti Pengajian Pendidikan  
Universiti Putra Malaysia  
(Pemeriksa Dalaman)

**Ruhizan Mohamad Yasin, PhD**

Prof. Madya  
Fakulti Pengajian Pendidikan  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
(Pemeriksa Luaran)

---

**BUJANG BIN KIM HUAT, PhD**

Profesor dan Timbalan Dekan  
Sekolah Pengajian Siswazah  
Universiti Putra Malaysia

Tarikh:





Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat kepada keperluan untuk Ijazah Master Sains. Ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

**Rosini Abu, Ed.D**

Prof. Madya  
Fakulti Pengajian Pendidikan  
Universiti Putra Malaysia  
(Pengerusi)

**Ramlah Hamzah, PhD**

Prof. Madya  
Fakulti Pengajian Pendidikan  
Universiti Putra Malaysia  
(Ahli)

---

**HASANAH MOHD. GHAZALI, PhD**

Profesor dan Dekan  
Sekolah Pengajian Siswazah  
Universiti Putra Malaysia

Tarikh: 14 Januari 2010



## **PERAKUAN**

Saya memperakui bahawa tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli melainkan petikan dan sedutan yang tiap-tiap satunya telah dijelaskan sumbernya. Saya juga memperakui bahawa tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini, dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau di institusi lain.

---

**ARASINAH BT KAMIS**

Tarikh :



## ISI KANDUNGAN

### Muka surat

<b>ABSTRAK</b>	<b>i</b>
<b>ABSTRACT</b>	<b>iii</b>
<b>PENGHARGAAN</b>	<b>v</b>
<b>PENGESAHAN</b>	<b>vii</b>
<b>PERAKUAN</b>	<b>ix</b>
<b>ISI KANDUNGAN</b>	<b>x</b>
<b>SENARAI JADUAL</b>	<b>xiii</b>
<b>SENARAI RAJAH</b>	<b>xv</b>
<b>SENARAI SINGKATAN</b>	<b>xvi</b>

### **BAB 1**

#### **PENDAHULUAN**

Pengenalan	1
Latar Belakang Kajian	2
Pernyataan Masalah	8
Objektif Kajian	10
Kepentingan Kajian	12
Definisi Operasional	14

### **BAB 2**

#### **SOROTAN LITERATUR**

Pengenalan	19
Latar Belakang Mata Pelajaran Vokasional (MPV)	19
Objektif MPV	21
Rekaan dan Jahitan Pakaian (RJP)	21
Pendekatan Teori	22
Teori Perkembangan Kerjaya Holland	23
Teori Perkembangan Kerjaya Super	30
Teori Perkembangan Kerjaya Ginzberg	32
Teori Sikap Fishbein	34
Model berkenaan Aspirasi Kejaya	35
Kerangka Teori	40
Minat Kerjaya	41
Aspirasi Kerjaya	44
Sikap Terhadap Mata Pelajaran	45
Hubungan antara Faktor Ibu Bapa, Rakan Sebaya dan Guru Kaunseling dengan Aspirasi Kerjaya	49
Perbezaan Sikap Terhadap Mata Pelajaran dengan Aspirasi Kerjaya	56
Perbezaan antara Sikap Terhadap Mata Pelajaran RJP dengan Peringkat Pendidikan dan Jenis Pekerjaan Ibu Bapa	59
Kerangka Kajian	64
Rumusan	68



### **BAB 3**

#### **METODOLOGI**

Reka Bentuk Kajian	69
Lokasi Kajian	70
Populasi	70
Instrumen Kajian	73
Kesahan Instrumen	80
Kebolehpercayaan Instrumen	82
Pengumpulan Data	83
Analisis Data	84

### **BAB 4**

#### **DAPATAN**

Pengenalan	88
Analisis Statistik Deskriptif	88
Latar Belakang	89
Minat Kerjaya	94
Aspirasi Kerjaya	95
Sikap Terhadap Mata Pelajaran RJP	97
Faktor ibu bapa, rakan sebaya dan guru kaunseling	100
Analisis Inferens	109
Hubungan antara Faktor Ibu Bapa, Rakan Sebaya dan Guru Kaunseling dengan Aspirasi Kerjaya	109
Perbezaan antara Sikap Terhadap Mata Pelajaran RJP dengan Aspirasi Kerjaya	114
Perbezaan antara Sikap Terhadap Mata Pelajaran RJP dengan Peringkat Pendidikan dan Jenis Pekerjaan Ibu Bapa	116
Rumusan	124

### **BAB 5**

#### **RUMUSAN, PERBINCANGAN KESIMPULAN DAN CADANGAN**

Pengenalan	125
Rumusan	125
Perbincangan	131
Latar Belakang	132
Minat Kerjaya	132
Aspirasi Kerjaya	136
Sikap Terhadap Mata Pelajaran RJP	137
Hubungan antara Faktor Ibu Bapa, Rakan Sebaya dan Guru Kaunseling dengan Aspirasi Kerjaya	139
Ibu Bapa	139
Rakan Sebaya	140
Guru Kaunseling	142
Perbezaan antara Sikap Terhadap Mata Pelajaran RJP dengan Aspirasi Kerjaya	144



Perbezaan antara Sikap dengan Peringkat Pendidikan dan Jenis Pekerjaan Ibu Bapa	146
Kesimpulan	150
Cadangan	152
<b>RUJUKAN</b>	154
<b>LAMPIRAN 1</b>	
<b>LAMPIRAN 2</b>	
<b>LAMPIRAN 3</b>	
<b>LAMPIRAN 4</b>	
<b>BIODATA PENULIS</b>	



## SENARAI JADUAL

<b>Jadual</b>	<b>Muka surat</b>
Jadual 1 : Bilangan Sekolah dan Murid di Semua Negeri di Zon Tengah.	72
Jadual 2 : Gred Murid	74
Jadual 3 : Skor Bagi Item Mengenai Faktor Ibu Bapa, Rakan Sebaya dan Sikap	75
Jadual 4 : Contoh Pengiraan Skor Kasar Skala dan Sub – Skala SDS	80
Jadual 5 : Nilai Alpha Cronbach Bagi Menentukan Kebolehpercayaan Instrumen.	83
Jadual 6 : Ujian Statistik yang Digunakan bagi Menjawab Persoalan Kajian	86
Jadual 7 : Frekuensi dan Peratusan Latar Belakang Responden	89
Jadual 8 : Frekuensi dan Peratusan Pekerjaan yang Boleh Diceburi	92
Jadual 9 : Frekuensi dan Peratusan Latar Belakang Pendidikan Ibu Bapa	93
Jadual 10 : Frekuensi dan Peratusan Latar Belakang Pekerjaan Ibu Bapa	94
Jadual 11 : Frekuensi dan Peratusan Responden Mengikut Minat Kerjaya	95
Jadual 12 : Frekuensi dan Peratusan Aspirasi Kerjaya Responden	96
Jadual 13 : Taburan Peratusan, Min dan Sisihan Piawai Sikap Terhadap	98
Jadual 14 : Frekuensi, Peratusan dan Taburan Skor Sikap Murid Terhadap Mata	99
Jadual 15 : Taburan Peratusan, Min dan Sisihan Piawai Faktor Ibu Bapa yang menentukan Aspirasi Kerjaya Responden	101
Jadual 16 : Taburan Peratusan, Min dan Sisihan Piawai Faktor Rakan Sebaya yang Menentukan Aspirasi Kerjaya Responden	104
Jadual 17 : Taburan Peratusan, Min dan Sisihan Piawai Faktor Guru Kaunseling yang Menentukan Aspirasi Kerjaya Responden	107
Jadual 18 : Garis Panduan Menginterpretasi Saiz Pekali Cramer's V	110
Jadual 19 : Analisis Jadual Silang dan Ujian Khi Kuasa Dua Faktor Ibu bapa	111
Jadual 20 : Analisis Jadual Silang dan Ujian Khi Kuasa Dua Faktor Rakan	112



Jadual 21 : Analisis Jadual Silang dan Ujian Khi Kuasa Dua Faktor Guru	114
Jadual 22 : Keputusan Ujian ANOVA Perbezaan antara Sikap Murid Terhadap Mata Pelajaran RJP dengan Aspirasi Kerjaya	115
Jadual 23 : Perbandingan Pelbagai ‘Scheffe’ Bagi Perbezaan antara Sikap Murid Terhadap Mata Pelajaran RJP dengan Aspirasi Kerjaya	116
Jadual 24 : Keputusan Ujian ANOVA Perbezaan antara Sikap Murid Terhadap Mata Pelajaran RJP dengan Peringkat Pendidikan Ibu	117
Jadual 25 : Keputusan Ujian ANOVA Perbezaan antara Sikap Murid Terhadap Mata Pelajaran RJP dengan Peringkat Pendidikan Bapa	118
Jadual 26 : Keputusan Ujian ANOVA Perbezaan antara Sikap Murid Terhadap Pelajaran RJP dengan Jenis Pekerjaan Ibu	120
Jadual 27 : Perbandingan Pelbagai ‘Scheffe’ Bagi Perbezaan antara Sikap Murid Terhadap Mata Pelajaran RJP dengan Jenis Pekerjaan Ibu	121
Jadual 28 : Keputusan Ujian ANOVA Perbezaan antara Sikap Murid terhadap Mata Pelajaran RIP dengan Jenis Pekerjaan Bapa	123



## SENARAI RAJAH

<b>Rajah</b>	<b>Muka surat</b>
Rajah 1 : Model Heksagonal Holland	29
Rajah 2 : <i>A Model of Student Education and Career Aspiration</i>	40
Rajah 3 : Kerangka Kajian	67



## SENARAI SINGKATAN

ANOVA	<i>Analysis of Variance</i>
BPPDP	Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan
ERT	Ekonomi Rumah Tangga
FPP	Fakulti Pengajian Pendidikan
KHB	Kemahiran Hidup Bersepadu
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
MPV	Mata Pelajaran Vokasional
PMR	Penilaian Menengah Rendah
PTV	Pendidikan Teknik & Vokasional
RJP	Rekaan & Jahitan Pakaian
SDS	<i>Self- Directed Search</i>
SMK	Sekolah Menengah Kebangsaan
SMKA	Sekolah Menengah Kebangsaan Agama



## **BAB 1**

### **PENDAHULUAN**

#### **Pengenalan**

Dalam usaha Malaysia mencapai Wawasan 2020, pelaksanaan konsep pembangunan insan yang menyeluruh menjadi teras dan fokus utama Bahagian Pendidikan Teknikal dan Vokasional. Jabatan ini bertanggungjawab merancang, melaksana dan menyediakan pendidikan teknik dan vokasional di seluruh Malaysia. Memandangkan situasi semasa dan masa hadapan yang kian mencabar dalam semua aspek kehidupan, adalah menjadi satu keutamaan bagi jabatan ini berusaha untuk melahirkan lebih ramai lagi tenaga kerja yang berkualiti, cekap dan berdaya saing bagi memenuhi permintaan tenaga kerja yang kian bertambah.

Dalam ucapan Menteri Pelajaran, Dato' Seri Hishammuddin Tun Hussein Onn Putrajaya, bahawa sepanjang RMK-9, sebanyak 22 kursus dalam Mata Pelajaran Vokasional (MPV) telah dilaksanakan secara berperingkat di 551 sekolah menengah harian. Malah sebanyak 746 bengkel disediakan dengan peruntukan sebanyak RM 425.5 juta (Berita Harian, 28 September 2007). Ini menunjukkan kerajaan sememangnya memandang serius terhadap sistem pendidikan kini demi melihat kejayaan negara di masa hadapan. Oleh yang demikian kerajaan mengharapkan pulangan yang setimpal dan sesuai dengan peruntukan yang telah dibelanjakan iaitu dalam bentuk tenaga kerja yang mahir lahir dari MPV ini.

Berdasarkan kepentingan inilah, saban tahun, setiap kali pengumuman keputusan Penilaian Menengah Rendah (PMR) dibuat, murid di kehendaki memilih jurusan yang di minati bagi melanjutkan pelajaran di peringkat menengah atas. Mereka perlu membuat pemilihan aliran yang sesuai dengan keputusan yang di perolehi disamping minat terhadap kerjaya yang diaspirasikan.

Pemilihan mata pelajaran ini juga dipengaruhi beberapa faktor seperti sikap, minat, kebolehan, keupayaan dan rancangan kerjaya murid (Bahagian Perancangan & Penyelidikan Dasar Pendidikan, 2007). Di samping itu, murid seharusnya mempunyai sedikit sebanyak pendedahan dan pengetahuan tentang sesuatu kerjaya yang di ingini. Maklumat ini boleh diperolehi daripada pelbagai sumber dan media, jawatan yang dipegang oleh ibu bapa, ahli-ahli keluarga yang lain dan juga daripada ceramah kerjaya yang dianjurkan oleh pihak sekolah.

### **Latar Belakang Kajian**

Pendidikan dianggapkan sebagai satu instrumen bagi membangunkan tenaga kerja. Ringkasnya, pendidikan ditegaskan untuk memenuhi kehendak sosio ekonomi (Alyas Mohamad, 2004). Kemajuan negara yang pesat dalam perusahaan ringan dan berat memerlukan kepada pertambahan tenaga mahir dalam bidang teknikal. Warganegara yang berkelulusan dalam bidang teknikal sangat diperlukan bagi memajukan negara agar seimbang dengan negara maju lain di dunia ini. Akta Pendidikan 1996 yang digubal telah menggariskan pendidikan teknik dan vokasional sebagai persediaan murid



untuk latihan kemahiran, latihan khusus yang berkaitan dengan pekerjaan tertentu dan latihan bagi meningkatkan kemahiran sedia ada (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2005).

Oleh itu sistem Pendidikan Teknik dan Vokasional memberi penumpuan terhadap hubungan pendidikan dengan alam pekerjaan. Walaupun aspek adaptasi alam pekerjaan ditekankan dalam sistem PTV, ini tidak bermaksud segala unsur nilai yang baik dalam sistem pendidikan umum diabaikan. Melalui kombinasi kedua-dua sistem iaitu PTV dan pendidikan umum ini, diharapkan dapat melahirkan generasi pekerja yang bukan sahaja cekap, malah mempunyai nilai-nilai amalan sosial yang berpekerti tinggi hasil terapan pendidikan umum di sekolah.

Rekaan dan Jahitan Pakaian (RJP) adalah mata pelajaran elektif vokasional di sekolah menengah akademik. Mata pelajaran ini berorientasikan aktiviti amali dan berteraskan kepada penggunaan teknologi yang ditawarkan kepada murid tingkatan empat dan lima. Mata pelajaran ini adalah lanjutan dan peluasan kepada mata pelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu yang ditawarkan di sekolah menengah rendah. Berlandaskan Falsafah Pendidikan Negara, mata pelajaran ini digubal untuk mencapai matlamat ke arah mempertingkatkan produktiviti negara dengan membekalkan tenaga mahir yang berpengetahuan dalam bidang pembuatan pakaian. Maka dengan itu minat terhadap sesuatu kerjaya haruslah diterapkan kepada murid RJP ini seawal mungkin (KPM, 2006).

Merujuk kepada Amla (1984b) yang menyatakan berkenaan teori Holland (1985) minat kerjaya berkait rapat dengan pemilihan kerjaya murid pada masa hadapan. Cita-cita dapat dicapai dengan aspirasi yang bijak melalui arah tuju pendidikan vokasional, minat kerjaya dan kecenderungan selepas menamatkan pengajian menengah. Menurut Holland lagi seseorang itu membentuk kerjaya sebagai satu aspek daripada fisiologi dan psikologinya di samping alam sekeliling mereka. Kerjaya ini dapat ditentukan apabila murid mendapat maklumat yang cukup tentang kemampuan diri mereka. Lantaran memberi makna yang besar kepada kebolehan dan kemahiran diri murid kepada kerjaya yang bakal diceburi.

Menurut Amla (1984b) berkenaan teori Holland (1985), minat kerjaya boleh dibahagikan kepada enam kategori utama iaitu kerjaya jenis Realistik, Investigatif, Artistik, Sosial, *Interprising* dan *Conventional*. Setiap satu daripadanya memiliki ciri keistimewaan, cabaran dan kelebihan yang tersendiri. Menurut Holland (1985) lagi, minat kerjaya dalam bidang seperti RJP menjurus kepada personaliti Artistik iaitu tingkah-lakunya yang mirip kepada aktiviti-aktiviti imaginasi dan kreativiti seperti bahasa, seni, muzik, drama dan juga penulisan.

Menurut Sidek (2002a) berkaitan dengan teori Super (1957) pula merumuskan perkembangan kerjaya termasuk persediaan yang dilakukan oleh remaja sebelum bekerja dan peranan lain yang dilakukan oleh seseorang pekerja selepas bersara. Sejak di bangku sekolah lagi, kanak-kanak beraspirasi untuk mendapatkan pekerjaan yang

diingini apabila tamat sekolah nanti. Watson, Quatman dan Edler (2002) mendapati aspirasi kerjaya murid dipengaruhi oleh unsur-unsur persekitaran iaitu sekolah, galakan daripada rakan sebaya, penglibatan guru dan harapan keluarga mereka terhadap kerjaya pada masa hadapan.

Pemilihan kerjaya adalah satu proses perkembangan yang berterusan, oleh itu pemilihan kerjaya melibatkan beberapa unsur penentu seperti aspirasi, minat dan personaliti seseorang yang mana didorong oleh berbagai-bagai faktor diri dan persekitaran mereka seperti keluarga, rakan, guru dan cara gaya seseorang pekerja di dalam sesuatu pekerjaan (Paa & McWhirter, 2000). Semakin tinggi tahap pendidikan seseorang itu, semakin baik peluang untuk mendapatkan pekerjaan. Ini akan menentukan sama ada akan tercapai atau tidak apa yang mereka aspirasikan itu.

Aspirasi kerjaya adalah satu jelmaan identiti pekerjaan bagi seseorang individu dan matlamat kerjaya yang diidamkan. Aspirasi kerjaya dihubungkan kepada kerjaya yang dijangkakan oleh seseorang individu (Greenhaus, 2000). Oleh itu aspirasi atau cita-cita menjadi daya penggerak utama murid ke arah mendapatkan kerjaya yang dicitakan. Malahan aspirasi adalah satu proses yang berterusan bermula dengan persepsi awal kanak-kanak terhadap dunia pekerjaan dan kemudiannya berkembang hingga ke peringkat remaja dan awal dewasa (Super, 1957 dalam Sidek 2002a).

Bagi seseorang remaja, pemilihan kerjaya juga sering dipengaruhi oleh latar belakang keluarga yang banyak memberi nasihat dan bimbingan. Merujuk Sidek (2002a) yang menyatakan berkenaan teori Super (1957) secara langsung membincangkan peranan keluarga dalam pembentukan konsep sendiri berhubung dengan aspirasi kerjaya seseorang individu. Manakala menurut Osipow, Fitzgerald (1996) berkenaan teori Ginzberg (1972) pula menerangkan bahawa institusi keluarga boleh membentuk satu situasi yang penting dan memainkan peranan yang besar dalam pembentukan aspirasi seseorang selain daripada rakan-rakan dan guru kaunseling.

Berdasarkan kajian yang dibuat oleh Otto (2000), kebanyakan remaja merujuk kepada keluarga terutamanya ibu untuk membuat keputusan perancangan kerjaya akan datang. Pihak lain seperti saudara-mara, guru-guru dan rakan sebaya turut berperanan dalam mempengaruhi remaja membuat keputusan. Remaja yang masih meneruskan pendidikan akan terus berhadapan dengan pilihan dan masih terus dalam dilema untuk membuat keputusan.

Whiston dan Keller (2004) pula mendapati hubungan keluarga, aspirasi keluarga, sokongan, galakan dan dorongan keluarga banyak mempengaruhi perkembangan kerjaya dan aspirasi kerjaya murid tetapi peranan rakan sebaya juga tidak boleh diabaikan. Pada masa persekolahan, murid telah menjalin satu hubungan yang rapat dengan rakan mereka. Hubungan yang rapat ini mungkin akan mempengaruhi murid dalam pemilihan mata pelajaran elektif dan seterusnya aspirasi kerjaya mereka.

Guru kaunseling di sekolah juga perlu memainkan peranan dalam membantu murid membuat pemilihan kerjaya yang berterusan dengan minat dan kebolehan. Pada masa yang sama kaunselor perlu berusaha secara efektif ke arah menyediakan murid untuk menghadapi dunia pekerjaan. Menurut Jackson dan Clutini (2002) pendidikan kerjaya, bimbingan dan kaunseling kerjaya di sekolah memainkan peranan yang penting dalam pemilihan dan kemasukan murid ke dalam bidang atau aliran pengajaran tertentu. Oleh itu guru kaunseling haruslah mempertingkatkan peranan mereka dalam memberikan maklumat kerjaya dan menunjuk arah aspirasi kerjaya murid dalam membuat pemilihan kerjaya masa hadapan dan untuk menghasilkan tenaga kerja yang berkualiti di abad ke 21 ini.

Ajzen (2002) menyatakan bahawa sikap seseorang terhadap sesuatu objek sama ada positif atau negatif, situasi atau orang adalah dicernakan melalui tingkahlakunya. Maka perasaan mempunyai hubungan selaras dengan sikap yang dipaparkan. Misalnya, perasaan negatif murid terhadap sesuatu mata pelajaran akan menyebabkan mereka mengelakkan mata pelajaran ini manakala perasaan positif mungkin akibat daripada kepercayaan pada manfaat yang boleh dibawanya akan mendorong mereka menyukai dan berminat mempelajarinya. Contohnya sikap suka menghasilkan sikap positif manakala tidak suka pula menghasilkan sikap negatif terhadap mata pelajaran RJP. Walaupun sikap merupakan sesuatu yang abstrak tetapi ia boleh dinilai berdasarkan perlakuan seseorang. Sikap boleh berubah dan berkembang dalam proses mengisi sesuatu keperluan.



Sikap juga merupakan proses mental yang akan menentukan segala tingkah laku oleh seseorang individu dalam kehidupan sehariannya. Pembentukan atau perubahan sikap sering dipengaruhi oleh keadaan persekitaran seseorang. Di samping itu juga perlulah ada usaha yang dijalankan untuk memupuk sikap positif di kalangan murid terhadap mata pelajaran RJP. Menurut Ajzen (2002) berkenaan teori Fishbein (1963) sikap boleh menunjukkan perubahan kelakuan positif atau negatif. Fishbein (1963) membahagikan sikap kepada tiga komponen iaitu kognitif, afektif dan tingkahlaku. Dalam kajian ini, penulis menumpukan penyelidikan kepada komponen afektif. Komponen afektif sikap dalam kajian ini didefinisikan sebagai sikap positif atau negatif murid terhadap mata pelajaran RJP.

### **Pernyataan Masalah**

Minat kerjaya yang tepat adalah penting dalam menentukan bidang kerjaya yang bersesuaian dengan ciri personaliti seseorang murid. Ciri personaliti Artistik seharusnya wujud dalam diri murid RJP supaya mereka dapat mereka cipta pakaian dan fesyen yang memerlukan ciri kreatif, inovatif dan imaginatif. Menurut Holland (1975 dalam Sidek (2002a) ciri-ciri ini digolongkan dalam ciri personaliti Artistik. Persoalannya adakah murid RJP cenderung ke arah ciri Artistik?. Maka, tinjauan ke atas minat kerjaya murid RJP perlu dibuat untuk melihat sejauh manakah ciri Artistik ini wujud dalam diri murid RJP. Oleh itu, perlu dijalankan pengukuran untuk membantu murid membuat pemilihan kerjaya dan untuk melihat sejauh mana murid mengenali bidang kerjaya berasaskan pengetahuan tentang minat kerjaya mereka.